

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

PM tinjau kesiapsiagaannya Program Imunisasi COVID-19

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin meluangkan masa melawat Institut Kanser Negara (IKN) di Putrajaya semalam bagi meninjau kesiapsiagaannya bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pelaksanaan PICK fasa pertama dijangka bermula Rabu ini, dengan Perdana Menteri dijadual sebagai individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19, disusuli Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh tiba di IKN kira-kira jam 6 petang semalam sebelum mendengar taklimat disampaikan Pengarah IKN, Dr Mohd Anis Harun di Pusat Simpanan Vaksin (PSV).

Seusai taklimat penyimpanan dan pengurusan vaksin COVID-19, Perdana Menteri dibawa ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan melawat kemudahan di situ.

Beliau diiringi Menteri Sains,

Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Dr Noor Hisham.

Malaysia secara keseluruhannya memiliki 54 lokasi PSV dan 605 PPV di seluruh negara. IKN adalah antara 54 PSV serta berperanan membekalkan vaksin secara berjadual kepada empat PPV dikenal pasti di Putrajaya.

Vaksin diterima IKN bagi kegunaan fasa pertama pelaksanaan PICK, membabitkan seramai 7,020 petugas barisan hadapan kesihatan dan bukan kesihatan.

PICK dilaksanakan menerusi tiga fasa, bermula dengan Kumpulan Barisan Hadapan, disusuli Kumpulan Berisiko Tinggi dan rakyat berusia 18 tahun ke atas.

Ia bagi memastikan antara 70 hingga 80 peratus rakyat ini menerima vaksin menjelang Februari 2022, sekali gus membentuk imuniti kelompok sekali gus menegakkan penularan COVID-19.



Muhyiddin menyaksikan Dr Adham melakukan demonstrasi penggunaan picagari khas untuk suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer BioNTech ketika meninjau kesiapsiagaan pusat pemberian vaksin di IKN, Putrajaya, semalam. Turut Khairy Jamaluddin (kiri) dan Dr Noor Hisham. (Foto BERNAMA)

Pilih petugas suntik vaksin secara ketat elak bazir dos

Kuala Lumpur: Pemilihan petugas menyuntik vaksin di sektor swasta perlu dilaksanakan secara ketat bagi mengelak isu pembaziran dos pelalian.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr M Subramaniam, berkata suntikan vaksin memerlukan kepakaran dan kemahiran tertentu menerusi penggunaan picagari jenis 'low dead-volume'.

Katanya, langkah itu perlu bagi menjamin setiap bekalan vaksin digunakan sepenuhnya dan mampu menampung keperluan 80 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia.

"Kita tidak boleh membazir kerana bahan pelalian ini sangat berharga dan mampu menentukan kejayaan Malaysia keluar daripada belenggu COVID-19."

"Justeru, sebarang kesilapan dalam aspek pengendalian bakal merencatkan keberkesanan atau kualiti vaksin, sekali gus berupaya mengundang kesan lebih teruk menerusi risiko risiko jangkitan pada masa depan."

"Disebabkan kepentingan ini, kami tidak setuju memberi kelulusan pegawai farmasi mengendalikannya suntikan vaksin kerana mereka tiada kelayakan," katanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, semalam dilaporkan berkata, khidmat pengamal perubatan (GP) swasta sebagai vaksinator atau petugas menyuntik vaksin akan diperluaskan pada fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Pasport vaksin perlu diterima seluruh dunia

Dokumen mesti mempunyai ciri keselamatan bagi mencegah penyelewengan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyediaan pasport vaksin boleh dilaksanakan berdasarkan garis panduan tertentu yang diterima di seluruh dunia.

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata idea mengenai perkara itu hangat dibincangkan pada peringkat global bagi memudahkan pergerakan ramai pasca pandemik.

Sehubungan itu, beliau menjangkakan acuan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai pelaksanaan pasport 'Carte Jaune' atau dokumen vaksinasi bagi demam kuning berkemungkinan dijadikan contoh.

"Jika ada satu kaedah menggunakan dokumen seperti pasport yang sama dan diterima pakai di seluruh dunia, mekanisme ini akan dapat membantu memudahkan pergerakan serta usaha pemulihan pelbagai sektor ekonomi serta sosial."

"Penyediaan pasport vaksin bukan perkara baharu sebab WHO sudah ada contoh yang boleh di-

jadikan penanda aras di seluruh dunia, justeru ia hanya memerlukan dikemas kini supaya lebih lengkap dan mantap, termasuk mempunyai ciri keselamatan bagi mencegah penyelewengan.

"Cadangan kerajaan ini bertepatan dengan perkembangan pandemik di seluruh dunia dan wajar diberikan pujian," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dilaporkan berkata, rakyat Malaysia yang menerima suntikan vaksin COVID-19 dijangka mempunyai kelebihan melancong dan mengembara pada masa depan.

Ia berikutan berkemungkinan ada negara menetapkan syarat hanya individu diberi suntikan vaksin dibenarkan melepasi imigresen.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dilaporkan berkata, kerajaan berhasrat mengeluarkan pasport vaksin sebagai dokumen pengesahan bagi individu yang menerima suntikan pelalian COVID-19.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, pula menyatakan, perkara itu ditimbulkan ketika perbincangan dengan Singapura sebelum ini, justeru ia kini pada peringkat penelitian oleh Wisma Putra supaya satu dokumen berupaya diwujudkan dan diterima negara serantau.

Sejak pembangunan vaksin COVID-19 secara meluas di seluruh dunia, pelbagai negara mula merintis usaha ke arah pe-



Cadangan kerajaan ini bertepatan dengan perkembangan pandemik di seluruh dunia dan wajar diberikan pujian.

Dr Rohaizat Yon,
Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

ngeluaran pasport selepas mendapat suntikan pelalian, antaranya Chile, Jerman, Itali, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Disebabkan pasport vaksinasi demam kuning diperakui Perundangan Kesihatan Antarabangsa (IHR) dan disertakan dalam Lampiran 7, Dr Rohaizat menaruh keyakinan usaha yang sama terhadap COVID-19 berupaya meraih sokongan negara serantau serta pada peringkat global.

"Memang ada kemungkinan

semua kaedah dibuat wujud unsur penyelewengan dan cubaan mengambil kesempatan, termasuk membabitkan usaha pengeluaran pasport vaksin COVID-19.

"Mungkin ada pihak mengambil kesempatan dengan cuba menjual pasport atau sijil vaksin palsu kepada individu bagi melancarkan urusan mereka yang enggan mengambil suntikan, tetapi perlu melepasi sekatan perjalanan antara negara di seluruh dunia."

"Bagi mengelak sebarang keferifan dan elemen penipuan, beberapa penerapan ciri keselamatan akan digunakan terhadap pasport vaksin COVID-19, selain disertakan butiran penting."

"Antara lain merangkumi jenis vaksin, syarikat pengeluar, nama doktor yang melakukan suntikan, alamat, nombor untuk dihubungi dan beberapa perincian bagi tujuan rujukan," katanya.

Pakar dasar kesihatan awam, Dr Khor Swee Kheng, menyuarakan pendirian berbeza dengan menjelaskan pelaksanaan konsep 'sijil imuniti' tidak seharusnya menjadi keutamaan ketika ini.

Beliau mengakui kepentingan konsep yang giat diperkatakan pelbagai pihak, namun usaha itu hanya perlu dirintis beberapa bulan akan datang.

"Antara masalah lebih penting ialah menjamin bekalan vaksin berterusan, meningkatkan keyakinan vaksin untuk rakyat, membasmi berita palsu vaksin COVID-19 dan memastikan pengalihan secara adil," katanya.